

# 30% Wanita Pembuat Dasar dipenuhi 2008

WM - 23/4/2006

**KUALA LUMPUR** 22 April – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menasarkan 2008 sebagai tempoh mencapai kuota 30 peratus wanita memegang jawatan pembuat keputusan di sektor awam.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, setakat ini, kuota itu masih tidak dicapai walaupun hampir 11 wanita telah dipilih memegang jawatan tertinggi dalam kerajaan.

Jumlah itu termasuk pelantikan terbaru Datuk Rafiah Salim sebagai Naib Canselor Universiti Malaya dan Zaleha Abd. Rahman sebagai Timbalan Ketua Polis Melaka.

Menurut Shahrizat, kementeriannya akan berbincang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Mohd. Zain bagi menyokong supaya mewujudkan jawatan peguam syarie wanita.

Di samping itu, kementeriannya juga akan menggesa supaya syarikat-syarikat milik kerajaan (GLC) memberi peluang kepada wanita

untuk memegang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

“Langkah sektor awam untuk memenuhi kuota 30 peratus dalam pembuat dasar menunjukkan peningkatan yang positif, namun dalam bidang keusahawanan dan korporat, ia masih lembap. Kementerian akan berusaha menjelang 2008, kuota ini dapat dipenuhi,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan pada Konvensyen dan Ekspo Usahawan Wanita 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Menurut Shahrizat, bagi memastikan kuota itu dipenuhi, kementeriannya telah menggariskan dua kaedah iaitu melihat semua lapisan pekerjaan iaitu jika seseorang wanita itu mempunyai kemahiran, dia perlu diberi peluang untuk menjawat jawatan pembuat dasar.

“Begitu juga dengan wanita-wanita yang kini memang berada di peringkat tertinggi dalam kementerian, jika ia berpotensi untuk

mengisi kuota 30 peratus, kementerian akan berusaha menjadikannya satu kenyataan,” katanya.

Tambah beliau, tahun ini, kementeriannya juga mahu melihat lebih ramai wanita terlibat dalam bidang keusahawanan.

“Saya hendak melihat wanita mempunyai dompetnya sendiri, jika dia sakit, anak nak ke sekolah dan ditinggal suami, wanita itu mempunyai wang saraan yang boleh menampung di waktu sesak itu.

“Saya melihat pentingnya wanita mempunyai pendapatan sendiri kerana ramai yang teraniaya apabila bercerai atau kematian suami, mereka akan mengalami kesusahan untuk meneruskan kehidupan,” katanya.

Sehubungan itu, jelasnya, wanita perlu merebut peluang dan bantuan usahawan yang disediakan oleh pelbagai pihak terutamanya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.